



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	18/11/2019	MUKA SURAT	:	13
JABATAN	:	YBM / UMUM			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

'Tidak boleh dijadikan ukuran'

Kuala Lumpur: "Tanjung Piai bukan seluruh Malaysia. Tanjung Piai di Johor itu bangsa Johor," kata Naib Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR), Datuk Dr Xavier Jayakumar.

Beliau berkata, situasi di sana lain daripada yang lain, justeru, keputusan Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Tanjung Piai itu tidak boleh dijadikan ukuran yang rakyat menolak kerajaan hari ini.

"Dia lain, lain dari lain. Jadi, tak boleh buat macam itu. Tapi kita ambil yang itu sebagai satu mesej dan kita akan buat sesuatu untuk masa depan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas



DR Xavier

keputusan PRK itu yang tidak memihak kepada Pakatan Harapan (PH) pada program *IWK 2Five Run* di Pantai Eco Park di sini, semalam.